

Ms.16

Selasa, 30 Januari 2018 **BH**

JENAYAH

KES BAKAR KENDERAAN DI RUMAH PEGAWAI KASTAM

Dua lelaki direman tiga hari

Suspek dikenal pasti menerusi rakaman CCTV sekitar lokasi insiden

Oleh Nor Azidah Mokhtar dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.myp

Kuala Lumpur

Polis menahan dua lelaki disyaki terbabit dalam kes bakar empat kenderaan di rumah seorang pegawai kastam dekat Presint 11 Putrajaya pada 23 Januari lalu.

Kedua-dua suspek berusia 48 dan 49 tahun itu ditahan kelmarin di ibu negara sebelum direman tiga hari bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim, berkata kedua-dua suspek dikenal pasti susulan pe-

meriksaan terhadap rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar lokasi insiden pada harian kejadian.

"Menerusi rakaman itu, kita melihat dua lelaki menaiki sebuah motosikal, beberapa kali berlegar-legar di sekitar kawasan berhampiran kediaman mangsa.

"Susulan rakaman itu, kita mengenal pasti suspek dan menahan kedua-dua mereka di Kuala Lumpur, semalam," katanya pada sidang media di sini.

Mazlan berkata, siasatan awal mendapati seorang daripada suspek terbabit dengan satu kes ugutan menerusi panggilan telefon ke atas seorang pegawai kastam lain, pada April tahun lalu.



Mazlan melawat lokasi kebakaran empat kenderaan pegawai kastam di Putrajaya, semalam.

Siasat motif

"Kita masih menjalankan siasatan mengenai pembabitkan kedua-dua suspek dengan kes bakar kereta pegawai kastam terbabit.

"Buat masa ini kita masih menyoal motif sebenar kejadian itu yang disiasat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 3:30 pagi itu, dua kereta yang diletakkan di pekarangan rumah Penolong Kanan Pengarah Kastam Penguatkuasaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Nor Azman Mat Jini, musnah manakala dua lagi separuh musnah.

Ketika kejadian, Nor Azman, 59 bersama isteri, Noor Hayati Khai-

ruddin, 57, dan anak, menantu serta dua cucu mereka sedang tidur di tingkat atas dan bawah rumah berkenaan, namun tidak mengalami sebarang kecederaan kerana berjaya keluar melalui pintu belakang rumah.

Empat kenderaan yang rosak dalam kebakaran itu adalah kereta jenis Mercedes-Benz milik isteri mangsa, kereta Perodua Myvi milik anak mangsa, PROTON Saga BLM milik menantu mangsa dan Honda CRV milik mangsa.

Sementara itu, analisis Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) percaya suspek memecahkan cermin kereta Mercedes-Benz milik pegawai kanan kastam terbabit, sebelum mencurah minyak petrol

dan membakarnya.

Siasatan bomba mendapati api terbabit kemudian merebak kepada tiga kereta lain yang diletakkan berhampiran.

Ketua Pengarah Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata bomba turut menemui serpihan kaca di dalam kereta, menunjukkan suspek memecahkan satu cermin tingkap kereta terbabit.

"Ia adalah perbuatan jenayah, maka siasatan lanjut dijalankan pihak polis untuk membuat tangkapan dan sebagainya," katanya ketika ditemui selepas membuat lawatan ke pangsapuri kuarters penjawat awam yang terbakar di Presint 16, malam kelmarin.